

1252MST 18 02 85

R B197 AAB  
MAHATHIR - PELANCONGAN  
(I)

1985

LABUAN, 18 FEB. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARAHKAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN SUPAYA MENINGKATKAN PUBLISITI MENGENAI POTENSI PERINDUSTRIAN DAN PELANCONGAN DI PULAU LABUAN BAGI MENARIK LEBIH BANYAK PENYERTAAN SEKTOR SWASTA.

INI TERMASUKLAH DASAR MEMBERI +KELULUSAN+ KEPADA BAKAL-BAKAL PELABUR MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN MENGIKUT DASAR +SIAPA CEPAT DIA DAPAT+, KATANYA SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN PULAU ITU OLEH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN TERSEBUT, DATUK DR. ELYAS OMAR DI SINI.

PERDANA MENTERI JUGA MENGARAHKAN KEMENTERIAN ITU SUPAYA MENEMPATKAN SEMULA ATAUPUN MEMBANGUNKAN SEMULA KAWASAN SETINGGAN DI TEPI LAUT DENGAN MENGADAKAN RUMAH-RUMAH KOS RENDAH YANG DILENGKAPKAN DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEMPURNA.

SUASANA SEBUAH KAMPUNG AIR YANG TERSUSUN BOLEH DIJADIKAN SEBAGAI DAYA PENARIK UNTUK PARA PELANCONG, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RTM HENDAKLAH MENERIBITKAN FILEM DOKUMENTARI MELIPUTI SEMUA ASPEK PEMBANGUNAN DI LABUAN DAN POTENSINYA.

TURUT HADIR DI MAJLIS TAKLIMAT ITU IALAH KETUA MENTERI SABAH, DATUK HARRIS SALLEH DAN TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, ENCIK AHMAD SHAH TAMBAKAU.

SEBELUM ITU, DALAM TAKLIMATNYA, DATUK DR. ELYAS BERKATA TAWARAN PROJEK-PROJEK KEMENTERIAN KEPADA BAKAL-BAKAL PEMAJU SECARA +SIAPA CEPAT SIAPA DAPAT+ ADALAH SEJAJAR DENGAN RANCANGAN PEMBANGUNAN PULAU ITU.

KATANYA, TEMPOH TAWARAN TENDER AKAN MENGAMBIL MASA DAN AKAN MELAMBAT-LAMBATKAN PROJEK.

MENURUTNYA, BEBERAPA PIHAK SEKTOR SWASTA TEMPATAN DAN LUAR NEGERI TELAH MENUNJUKKAN MINAT MENYERTAI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI LABUAN TERMASUK PROJEK PEMBINAAN PELABUHAN BARU PULAU ITU.